

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 21 Julai 2016 14:39
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: SETIAUSAHA UUM BERAYA SAKAN



21 JULAI 2016 / 16 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SETIAUSAHA UUM BERAYA SAKAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Aroma mee rebus tulang menu utama sebagai pembuka selera menyusuk kalbu Jalinan Hari Raya SETIA yang disambut meriah di Welcome Centre pada 20 Julai 2016. Siapa yang tidak kenal dengan SETIA atau Persatuan Setiausaha UUM yang keahliannya seramai 61 orang ditambah ahli bersekutu serta pesara seramai 12 orang.

Gembira, teruja dan terharu, demikianlah perasaan apabila dapat bertemu dengan rakan setiausaha yang masih bertugas mahupun yang telah bersara dalam profesion kesetiausahaan.

Ambien Welcome Centre menjadi pilihan tempat pertemuan bagi menyerikan suasana berhari raya malahan masih ramai yang belum berpeluang melawat persekitarannya yang rata-rata menjadi tumpuan lawatan tetamu domestik dan antarabangsa.

Presiden SETIA, Rahazila Aziz dalam ucapannya berkata,

“Semoga mutiara-mutiara keimanan dan mahabbah pada Allah selalu terpatri dalam diri dan akan lebih mengeratkan hubungan silaturahim yang sedia terjalin antara kita”.

Sementara itu, SETIA yang ditubuhkan pada tahun 1990 bertuah apabila salah seorang perintis dan Presiden pertama SETIA, Eshah Ahmad hadir ke majlis yang bersejarah ini.

Menurut beliau, “Demi kecemerlangan SETIA yang berterusan, diharapkan amalan perjumpaan dan berhari raya ini dijadikan tradisi bagi semua generasi SETIA supaya dapat menanam rasa kesetiaan dalam membentuk jati diri”.

“Budaya menjalin keakraban di kalangan ahli SETIA amat penting baik dalam urusan kerja mahupun dalam persatuan”.

Dalam pada itu, salah seorang setiausaha yang telah bersara, Nadzipah Saleh atau mesra dengan panggilan Kak Pah pula berkata,

“Kak Pah bangga melihat gandingan mantap ahli SETIA antara generasi baru dan generasi lama dapat berkerja sebagai *teamwork*. Sama-sama menghayati moto SETIA, Profesionalisma Asas Kecemerlangan”.

Turut diraikan, ahli SETIA yang menyambut hari lahir pada bulan Julai 2016. Selain pelbagai juadah raya dinikmati, ahli SETIA tidak melepaskan peluang begitu sahaja untuk berbual-bual, berkongsi ilmu sambil bertukar-tukar pengalaman memandangkan bukanlah mudah untuk bertemu dalam kemeriahan berhari raya.

Malahan detik bersejarah ini telah sempat dirakamkan dengan gambar-gambar indah bersama ahli yang bakal menjadi album SETIA 2016.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

